

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
BAHAGIAN PENDIDIKAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU

OLEH  
NOORMALA BINTI ABD RAHMAN  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SERTAKAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
MOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2004

1100045521

dn:5247

PERPUSTAKAAN  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
(KUSTEM)

Pengarang  
Nor malia binti Abd. Rahman.  
Judul Latihan Industri di  
bahagian Pendidikan . . .

No. Panggilan  
L1  
FPE 1  
2004

| Tarikh | Waktu<br>Pemulangan | Nombor<br>Ahli | Tanda<br>tangan |
|--------|---------------------|----------------|-----------------|
|        |                     |                |                 |
|        |                     |                |                 |

CH: 5247

Perpustakaan  
Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

1100045521

LI 12 FPE 1 2004



1100045521

Laporan akhir latihan industri di Bahagian Pendidikan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu / Noormala Abd Rahman.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

**1100045521**

Lihat sebelah



# LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI

## BAHAGIAN PENDIDIKAN JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

OLEH:

**NOORMALA BINTI ABD RAHMAN**  
**Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial  
**Fakulti Pengurusan dan Ekonomi**  
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

**2004**

**1100045521**

## **SENARAI KANDUNGAN**

|   |           |
|---|-----------|
|   | Mukasurat |
| Pengesahan Keaslian Laporan             |           |
| Dedication                              |           |
| Penghargaan                             |           |
| BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI        |           |
| 1.1 Pengenalan                          | 1         |
| 1.2 Sejarah Perkembangan Organisasi     | 1         |
| 1.3 Maklumat Organisasi                 | 3         |
| 1.3.1 Objektif Jabatan Hal Ehwal Agama  | 5         |
| Terengganu                              |           |
| 1.3.2 Objektif Bahagian Pendidikan      | 6         |
| 1.3.3 Misi                              | 6         |
| 1.3.4 Wawasan                           | 7         |
| 1.3.5 Cabaran                           | 7         |
| 1.3.6 Sasaran                           | 7         |
| 1.3.7 Piagam                            | 8         |
| 1.4 Carta Organisasi                    | 10        |
| 1.5 Aktiviti Organisasi                 | 12        |
| 1.5.1 Perancangan Lima Tahun Pendidikan | 19        |
| (1995-2000)                             |           |

|  |    |
|--|----|
| 1.6 Kemahiran Yang Dipelajari                  | 22 |
| 1.6.1 Kemahiran membuat surat pemberitahuan    | 22 |
| 1.6.2. Kemahiran menyunting filem              | 23 |
| 1.6.3 Kemahiran daftar fail                    | 23 |
| 1.6.4. Kemahiran daftar surat                  | 24 |
| 1.6.5. Kemahiran merancang proposal            | 24 |
| 1.6.6. Kemahiran membuat surat iringan         | 25 |
| 1.6.7. Kemahiran berkomunikasi                 | 26 |
| 1.6.8. Kemahiran mengendalikan bilik mesyuarat | 27 |
| 1.6.9. Menambahkan ilmu pengetahuan            | 28 |

## BAB 2: PENGENALPASTIAN MASALAH

|   |    |
|---|----|
| 2.1 Mengenalpasti Masalah                               | 30 |
| 2.1.1 Salahlaku Kerja                                   | 30 |
| 2.1.2 Kekurangan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri | 32 |
| 2.1.3 Kekurangan Teknologi Yang Canggih                 | 34 |
| 2.1.4 Tiada Kawalan Keselamatan                         | 37 |
| 2.2 Sistem Sedia Ada                                    | 38 |
| 2.2.1 Sistem Punch Card                                 | 38 |
| 2.2.2 Sistem Arahan Dari Atas Ke Bawah                  | 39 |
| 2.2.3 Sistem Pengumuman                                 | 40 |

## Mukasurat


|  |    |
|--|----|
| 2.2.4 Sistem Perhubungan                     | 41 |
| 2.2.5 Sistem Pengagihan Fail/ Sistem Tray    | 41 |
| 2.2.6 Sistem Rekod                           | 42 |
| 2.2.7 Sistem Saraan                          | 42 |
| 2.3 Analisis Dan Perbincangan: Analisis SWOT | 43 |
| 2.3.1 Analisis Kekuatan Organisasi           | 43 |
| 2.3.2 Analisis Kelemahan Organisasi          | 44 |
| 2.3.3 Analisis Peluang Organisasi            | 45 |
| 2.3.4 Analisis Ancaman Organisasi            | 46 |
| 2.4 Cadangan Penyelesaian                    | 47 |
| <br>BAB 3: PENUTUP                           | 51 |
| BIBLIOGRAFI                                  |    |
| LAMPIRAN                                     |    |

## **Pengesahan Keaslian Laporan**

Dengan ini saya Noormala Binti Abd Rahman

mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kustem tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: Noormala Binti Abdul Rahman

Tarikh: 20 OKTOBER 2004

Disahkan oleh:



b/p

Penyelia KUSTEM  
b/p Pengurus latihan Industri  
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi  
KUSTEM

## **PENGHARGAAN**

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah saya menjalani Latihan Industri selama 12 minggu di Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dengan jayanya.

Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih juga kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu yang sanggup menerima saya untuk menjalani Latihan Industri di jabatan inis serta di atas segala bentuk tunjuk ajar dari pihak jabatan.

Terima kasih juga kepada Penyelia Industri iaitu Encik Ruslan bin Ibrahim selaku Penolong Pesuruhjaya Sumber dan Teknologi di Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu kerana telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya selama saya menjalani Latihan Industri ini.

Tidak lupa juga buat Penyelia KUSTEM iaitu Prof. Madya. Haji Zakaria bin Mat kerana telah bersusah payah meninjau ketika saya menjalankan latihan ini dan sanggup memberi bimbingan kepada saya.

Tidak lupa juga kepada ayahanda dan bonda yang tersayang kerana telah banyak membantu dalam pembiayaan selama saya menjalani latihan ini.

Akhir sekali terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar serta memberi sokongan dari belakang kepada saya untuk menyiapkan laporan ini.

Objektif Latihan Industri ini diadakan adalah untuk mendedahkan pelajar kepada suasana kerja yang sebenar, menyesuaikan diri dengan persekitaran pejabat,

mengaplikasikan segala apa yang telah dipelajari, mendapatkan pengalaman kerja, dapat mengetahui cara berkomunikasi di pejabat dan sebagainya.

Pihak jabatan telah memberikan pelbagai bentuk bimbingan dan tumjuk ajar bagi menjayakan Latihan Industri saya ini. Saya pernah merancang proposal bagi Pertandingan Membina Bahan Bantu Mengajar Melalui Rakaman Video Guru-guru Sekolah Menengah Agama Terengganu yang mana melibatkan semua Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri iaitu sebanyak 13 buah sekolah. Saya juga pernah dilantik menjadi ahli jawatankuasa kecil Hadiah dan Cenderamata bagi Majlis Sambutan Hari Guru Peringkat Negeri di bawah anjuran Bahagian Pendidikan, JHEAT. Saya juga pernah ditugaskan untuk berada di kaunter pertanyaan JHEAT pada Minggu Bertemu Pelanggan iaitu setiap Ahad minggu pertama setiap bulan. Di sini saya dapat berkomunikasi dengan pelanggan yang ingin mendapatkan khidmat untuk berurus dengan mana-mana pegawai bahagian di JHEAT ini. Saya juga pernah terlibat secara langsung dalam penggambaran Rakaman Video Guru-Guru SMAT.

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Di dalam Laporan Akhir Latihan Industri di Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu, Bahagian Pendidikan terkandung tiga bab utama. Sebelum bab yang pertama terdapat satu Pengesahan Keaslian Laporan yang perlu ditandatangani oleh pelatih dan Penyelia KUSTEM bagi membuktikan keaslian laporan akhir ini. Selepas daripada pengesahan terdapat Dedication yang merupakan tanda penghargaan pelatih kepada ahli keluarga. Selepas daripada Dedication terkandung pula Penghargaan yang merupakan tanda ucapan terima kasih pelatih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu pelatih untuk menyiapkan laporan akhir ini dan telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada pelatih. Selepas itu terdapat pula Ringkasan Eksekutif yang merupakan ringkasan bagi semua bab yang terdapat dalam Laporan Akhir Latihan Industri ini.

Bab 1 merupakan bab yang menghuraikan mengenai latar belakang organisasi iaitu sejarah perkembangan organisasi, objektif, misi, wawasan, cabaran, sasaran, piagam pelanggan, carta organisasi, aktiviti organisasi dan kemahiran yang dipelajari oleh pelatih semasa menjalani latihan industri ini.

Bab 2 merupakan bahagian yang dianggap penting dalam laporan ini kerana bahagian ini akan menerangkan mengenai segala penemuan permasalahan di dalam organisasi, mengkaji sistem yang sedia ada dalam organisasi serta analisis dan perbincangan ke atas organisasi. Di akhir bab ini terdapat bahagian cadangan penyelesaian bagi segala penemuan permasalahan. Bagi bahagian cadangan penyelesaian ini, pelatih boleh menggunakan kreativiti masing-masing bagi mencadangkan buah fikiran yang bernalas untuk dipertimbangkan oleh pihak organisasi.

Bab 3 merupakan penutup bagi laporan akhir ini. Segala bentuk cadangan dan pengharapan pelatih terhadap organisasi dan juga latihan industri diharapkan agar dapat dipertimbangkan oleh pihak organisasi dan juga oleh pihak universiti.